

LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2006



011 - BAHASA MELAYU

Lima puluh minit



JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh tiga pilihan jawapan A, B dan C atau empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Antaranya, ada satu jawapan sahaja yang paling sesuai. Pilih jawapan itu. Kemudian, tandakan jawapan kamu dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah

SULIT

## Soalan 1 – 20

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 “Mengapakah tuan puteri bersedih? Katakanlah kepada \_\_\_\_\_,” kata Mak Inang Suri kepada Tuan Puteri Mayang Sari.
- A beta
  - B patik
  - C hamba
  - D tuan hamba

## Soalan 2 berdasarkan Gambar 1




Gambar 1

- 2 Puan Rozana memotong kaki seluar anaknya kerana terlalu \_\_\_\_\_.
- A lebar
  - B besar
  - C labuh

- 3 Beberapa \_\_\_\_\_ poster telah dilekatkan oleh Cikgu Yeop di belakang kelas kita.
- A helai
  - B bidang
  - C keping
  - D lembar


Soalan 4 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

- 4 \_\_\_\_\_ Majlis Anugerah Cemerlang Sekolah Kebangsaan Seri Damai itu mengumumkan ketibaan tetamu khas.
- A Jurubahasa
  - B Juruhebah
  - C Jurucakap
  - D Juruacara

Soalan 5 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

- 5 Ibu \_\_\_\_\_ ayam itu dengan rempah sebelum memanggangnya.
- A mengadun
  - B menabur
  - C mencalit
  - D melumur
- 6 Tangan kakak berbau \_\_\_\_\_ setelah menyang beberapa ekor ikan sungai.
- A hamis
  - B hanyir
  - C hapak
  - D hancing
- 7 Kerja-kerja pembersihan tanah runtuh itu diteruskan \_\_\_\_\_ hari hujan.
- A hingga
  - B sekiranya
  - C walaupun
  - D sementara

- 8 Kamarul dapat menyampaikan syarahannya dengan \_\_\_\_\_ semasa menyertai pertandingan itu.
- A cekap
  - B petah
  - C terang


Soalan 9 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

- 9 Juara beregu badminton wanita dari Malaysia \_\_\_\_\_ piala yang dimenangi oleh mereka.
- A menjulang
  - B menatang
  - C merangkul
  - D menjunjung
- 10 \_\_\_\_\_ orang mudah hilang sabar jika selalu menghadapi \_\_\_\_\_ situasi yang memalukan mereka.
- A Setengah ... setiap
  - B Sebahagian ... satu
  - C Seseengah ... sesuatu
  - D Sekalian ... beberapa

Soalan 11 berdasarkan Gambar 5




Gambar 5

- 11 Encik Chin sedang \_\_\_\_\_ buluh untuk membuat sangkar burung.
- A meraut
  - B melentur
  - C merincih
  - D menghiris
- 12 “\_\_\_\_\_ ambil makanan yang terhidang di meja itu,” kata Puan Kamariah kepada tetamunya.
- A Tolong
  - B Minta
  - C Harap
  - D Sila
- 13 Sementara menunggu pintu pagar dibuka, penonton \_\_\_\_\_ di luar stadium.
- A lalu-lalang
  - B bolak-balik
  - C simpang-siur
  - D mundar-mandir

- 14 Pihak sekolah akan mengadakan sesi \_\_\_\_\_ bagi meraikan kehadiran murid-murid baru.
- A tegur sapa
  - B soal jawab
  - C ramah mesra

Soalan 15 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6

- 15 Encik Dahlan sedang \_\_\_\_\_ kain di bengkel untuk memenuhi pesanan pelanggannya.
- A menekan
  - B menekap
  - C mengecop
  - D mengecap
- 16 Encik Muthu akan terus menabur bakti kepada masyarakat \_\_\_\_\_ terdaya.
- A jika
  - B selagi
  - C apabila
  - D sehingga

- 17 “Saya tidak nampak Salina pun. \_\_\_\_\_ dia sudah pergi,” kata Normah.
- A Bila-bila
  - B Awal-awal
  - C Rasa-rasa
- 18 “Kamu pergilah dahulu. Sebentar lagi saya akan \_\_\_\_\_,” kata Asri kepada Shahrul.
- A mengekori
  - B mengikuti
  - C mengejar
  - D menyusul
- 19 Dua \_\_\_\_\_ lanun telah ditumpaskan oleh pasukan polis marin dalam tempoh sebulan.
- A pasukan
  - B angkatan
  - C kelompok
  - D gerombolan
- 20 Sikap Amir yang selalu \_\_\_\_\_ menyebabkan ramai sahabatnya kurang senang.
- A memberi muka
  - B bermuka-muka
  - C angkat muka
  - D tebal muka



- 21 Istana lama itu unik kerana dibina daripada kayu tanpa menggunakan sebatang paku pun.  
Perkataan seerti bagi unik ialah
- A istimewa
  - B canggih
  - C ganjil
  - D pelik
- 22, Persatuan Bulan Sabit Merah sekolah itu telah ditubuhkan pada bulan lepas.  
Perkataan berlawanan bagi ditubuhkan ialah
- A ditutupkan
  - B dibatalkan
  - C dibubarkan
  - D dimansuhkan
- 23 Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.
- I Semalam suntut ayah tidak tidur kerana sakit perut.
  - II Tali ini sangat suntut untuk mengikat kotak itu.
  - III Jangan mengekori kereta di hadapan terlalu suntut.
  - IV Tempoh yang diberikan oleh jawatankuasa pertandingan itu begitu suntut.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
- 24 Mengapakah ramai pesalah trafik menyerbu kaunter pembayaran di balai polis?  
Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di atas.
- A Mereka berminat menyertai pasukan polis trafik.
  - B Mereka hendak membayar saman kesalahan trafik.
  - C Pesalah trafik telah membayar denda secara beramai-ramai.

- 25 Doktor menasihati pesakitnya supaya mengamalkan gaya hidup sihat. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di atas.
- A Mengapakah doktor menasihati pesakitnya?
  - B Apakah nasihat doktor kepada pesakitnya?
  - C Bagaimanakah cara mengamalkan gaya hidup sihat?
  - D Siapakah yang perlu mengamalkan gaya hidup sihat?

**Soalan 26 – 27**

*Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

- 26 “Kami menerima pujian daripada Guru Besar kerana telah menjuarai pertandingan koir,” kata Asmah.
- A Asmah memberitahu bahawa mereka mendapat pujian daripada Guru Besar kerana telah menjuarai pertandingan koir.
  - B Asmah menerangkan bahawa kami memberikan pujian kepada Guru Besar kerana telah menjuarai pertandingan koir.
  - C Asmah mendapat tahu bahawa mereka mendapat pujian daripada Guru Besar kerana telah menjuarai pertandingan koir.
  - D Asmah menyatakan bahawa kami memberikan pujian kepada Guru Besar kerana telah menjuarai pertandingan koir.
- 27 Nenek sedang menganyam tikar mengkuang di ruang tamu rumahnya.
- A Tikar mengkuang sedang dianyam oleh nenek di ruang tamu rumahnya.
  - B Tikar mengkuangnya sedang nenek anyam di ruang tamu rumahnya.
  - C Tikar mengkuang nenek sedang dianyam olehnya di ruang tamu.
  - D Tikar mengkuang di ruang tamunya sedang nenek anyam.

## Soalan 28 – 30

Pilih ayat yang betul.

- 28 A Kasut bertumit tinggi itu bukan sesuai dipakai oleh wanita yang mengandung.  
B Telefon antik di kedai itu tidak untuk dijual tetapi untuk pameran sahaja.  
C Daerah Besut bukan di negeri Kelantan tetapi di negeri Terengganu.  
D Budak lelaki yang bertahi lalat itu tidak adik Sulaiman.
- 29 I Para tetamu yang hadir dijemput masuk di dalam dewan itu.  
II Suhaila ialah sepupu saya kerana ibu saya dan ibunya adik-beradik.  
III Antara Suzi ataupun Nani, masing-masing tidak dapat melompat parit itu.  
IV Saya tidak memahami percakapannya kerana dia menggunakan bahasa pasar.
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 30 I Buku cenderamata yang berwarna keemasan itu untuk tetamu khas.  
II Di antara acara yang akan dipertandingkan ialah catur dan congkak.  
III Puan Azian yang mengajar di sekolah itu berasal daripada Sandakan.  
IV Pasukan bahas itu mendapat tempat pertama kerana pembahas-pembahasnya berpengalaman.
- A I dan II  
B II dan IV  
C III dan IV  
D I dan IV

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Persatuan Penduduk,  
Kampung Seri Mersing,  
41000 Kota Andalus.

---

Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kota Andalus,  
Persiaran Damak Utama,  
41000 Kota Andalus,  
Selangor Darul Ehsan.

5 APRIL 2006

Tuan,

Masalah Penduduk Kampung Seri Mersing

Sehubungan dengan perkara di atas, saya mewakili penduduk Kampung Seri Mersing ingin membuat aduan tentang beberapa masalah yang kami hadapi.

2. Kebelakangan ini, terdapat individu yang tidak bertanggungjawab telah menjadikan beberapa jalan sunyi di kampung ini sebagai tapak pelupusan kereta buruk. Keadaan yang *menyakitkan mata* ini telah menjejaskan imej kampung kami. Pihak kami gagal mengesan pemilik kenderaan tersebut kerana ketiadaan nombor pendaftaran.
3. Selain itu terdapat dua buah lori yang diletakkan berhampiran pintu masuk ke Sekolah Kebangsaan Seri Mersing antara pukul 8.00 malam hingga 8.00 pagi hari berikutnya. Kenderaan ini telah mengganggu kelancaran lalu lintas lebih-lebih lagi pada waktu awal persekolahan.
4. Masalah seterusnya adalah tentang ketiadaan sistem pemungutan sampah dari rumah ke rumah. Hal ini menyebabkan penduduk membuang sampah ke dalam tong sampah besar yang ditempatkan di persimpangan jalan. Bau busuk daripada tong sampah tersebut telah menjejaskan kesejahteraan penduduk.
5. Kampung kami juga tidak memiliki tempat rekreasi khususnya gelanggang basikal lasak. Hal yang demikian telah menyebabkan kanak-kanak dan remaja menjadikan jalan raya dan tanah-tanah lapang sebagai tempat mereka melakukan aksi-aksi berani menunggang basikal tersebut.

6. Kami berharap agar pihak tuan memberikan perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang menjalankan tugas,

*Zakaria*

(ZAKARIA BIN ISMAIL)

Setiausaha,

Persatuan Penduduk Kampung Seri Mersing.

- 31 Pihak yang membuang kenderaan buruk tidak dapat dikenal pasti kerana
- A kenderaan itu telah reput.
  - B kenderaan itu dibuang di jalan sunyi.
  - C kenderaan itu tiada nombor pendaftaran.
  - D kenderaan itu diletakkan di tapak pelupusan.
- 32 Penulis berpendapat gambaran baik kampung Seri Mersing terjejas disebabkan oleh
- A lori diletakkan di hadapan sekolah.
  - B ketiadaan tempat untuk berekreasi.
  - C bau busuk daripada tong sampah besar.
  - D pembuangan kereta buruk di kampung itu.
- 33 Di manakah penunggang-penunggang basikal mempamerkan keberanian mereka?
- A Gelanggang basikal lasak
  - B Tapak pelupusan sampah
  - C Kawasan lapang dan jalan raya
  - D Persimpangan jalan dan di hadapan sekolah
- 34 Yang berikut ialah pernyataan tentang petikan **kecuali**
- A penduduk membuang sampah di simpang-simpang jalan
  - B penduduk berharap masalah mereka dapat diatasi
  - C terdapat lori yang menghalang laluan ke sekolah
- 35 Rangkai kata *menyakitkan mata* dalam petikan bermaksud
- A penglihatan tidak jelas
  - B tidak enak dipandang
  - C memedihkan mata
  - D mata terasa sakit

## Soalan 36 – 40

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Malam itu malam Rabu. Aku dan beberapa orang kawan menghadiri kelas tambahan di sekolah. Selesai kelas, aku terus pulang. Aku berasa sangat letih kerana pada petang itu ada aktiviti kokurikulum. Aku menjalani latihan bola sepak. Tanpa membasuh kaki, aku terus masuk ke bilik dan baring di sisi adik.

Tiba-tiba aku dikejutkan oleh suara orang berteriak. Pencuri! Pencuri! Aku bingkas bangun dan terlihat orang berlari. Aku mengejanya. Kemudian, aku mendapati diriku telah tersesat di tengah hutan. Suasana di situ amat menyeramkan lebih-lebih lagi bunyi guruh mula kedengaran. Perasaan takut mula menyelubungi diriku. Aku mencari jalan keluar. Tidak jauh dari situ, aku terpandang sebuah pondok buruk. Dinding pondok itu telah reput dan atapnya berlubang-lubang. Oleh sebab hujan mulai turun, aku mengambil keputusan untuk berteduh di pondok itu.

Sedang leka memerhati sekeliling, aku tersentak apabila terdengar bunyi ranting kayu patah seperti dipijak oleh sesuatu. Bunyi ranting-ranting patah semakin hampir. *Peluh dingin* mula membasahi bajuku. Aku mencapai sekeping papan lantai pondok dan menunggu sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Bulu roma seluruh tubuhku tegak.

Sejurus kemudian, muncul seekor harimau. Saiznya amat besar. Harimau itu memandang tepat ke arahku. Bunyi ngaumannya amat menggerunkan. Harimau itu menerkam aku. Sepantas kilat aku mengelak. Harimau itu menerkam lagi. Aku perlu menyelamatkan diri. Dengan berani, aku memukul kepalanya bertubi-tubi. Bimbang dicakar, aku melompat ke arah belakang harimau itu dan memeluk badannya sekuat hati. Harimau itu meronta-ronta untuk melepaskan diri.

Ketika itulah aku terdengar suara seorang budak meminta tolong. Aku membuka mata. Rupa-rupanya aku sedang memeluk adikku. Dia kelemasan. Kulihat kekabu bantal pelukku berselerak di atas katil. Mendengar jeritan adik, ayah dan ibu meluru masuk. Melihat keadaan kami, mereka tersenyum. Aku tunduk malu.

- 36 Ke manakah penulis pergi pada malam itu?
- A Pondok buruk
  - B Kelas tambahan
  - C Berlatih bola sepak
  - D Menziarahi kawan-kawannya
- 37 Untuk menyelamatkan diri daripada cakaran harimau itu, penulis
- A menjerit untuk meminta tolong.
  - B memeluk badan harimau erat-erat.
  - C meronta-ronta untuk melepaskan diri.
  - D memukul kepala harimau bertubi-tubi.
- 38 Siapakah sebenarnya yang dipukul oleh penulis?
- A Bantal peluk
  - B Badannya
  - C Harimau
  - D Adiknya
- 39 Pilih pernyataan yang **tidak** benar tentang petikan.
- A Penulis tidur sekatil dengan adiknya.
  - B Ranting kayu berbunyi kerana dipijak orang.
  - C Penulis menyertai aktiviti kokurikulum di sekolahnya.
  - D Ayah dan ibu penulis mengambil berat terhadap anak-anak mereka.
- 40 Frasa *peluh dingin* dalam petikan membawa maksud penulis
- A ketakutan
  - B kesejukan
  - C kepenatan
  - D kekeliruan

KERTAS SOALAN TAMAT